



TEKS UCAPAN

**YS PPjB MOHD ZAIDI BIN HJ. MA'AT
PENGARAH JBPM NEGERI MELAKA**

SEMPENA

MAJLIS PENUTUPAN

**KURSUS KOMUNIKASI BERKESAN DAN PENGUCAPAN
AWAM, ANJURAN BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT,
IBU PEJABAT JBPM**

PADA

29 OGOS 2025 (JUMAAT)

MASA

11.30 PAGI

TEMPAT

IBU PEJABAT JBPM NEGERI MELAKA

**Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra,

Salam “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam Malaysia Madani,

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,.....
dan terima kasih juga kepada al-Fadhil
yang telah membacakan doa, memohon rahmat Allah ke atas majlis pada hari ini.

Yang Berusaha PgB Mohd Faizul bin Ibrahim
Penolong Pengarah Bahagian Latihan JBPM Negeri Melaka

Yang Berusaha Encik Mohd Hamidy bin Mohd Sale
Perunding Latihan Kanan
Pusat Pengajian Pengurusan dan Kepimpinan
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jalan Bukit Kiara
Penceramah Kursus

Para peserta kursus, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat sama-sama berkumpul pada tengahari ini dalam Majlis Penutupan Kursus Komunikasi Berkesan dan Pengucapan Awam yang berlangsung dengan jayanya di Ibu Pejabat JBPM Negeri Melaka.
2. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat JBPM atas inisiatif menganjurkan kursus ini, yang telah berlangsung selama tiga hari bermula 27 hingga 29 Ogos 2025.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Kepentingan Komunikasi dan Pengucapan Awam

3. Dalam konteks perkhidmatan bomba dan penyelamat, komunikasi yang berkesan adalah satu kemahiran yang amat penting. Ia bukan sahaja melibatkan penyampaian maklumat dengan tepat dan pantas ketika operasi menyelamatkan, tetapi juga dalam konteks memberi penerangan kepada masyarakat, menjalinkan kerjasama dengan agensi lain, serta meningkatkan keyakinan awam terhadap JBPM.
4. Begitu juga dengan pengucapan awam. Ia adalah seni menyampaikan mesej dengan jelas, meyakinkan dan berkesan. Sebagai pegawai dan anggota JBPM, saudara-saudari bukan sahaja wira di lapangan, tetapi juga duta kepada jabatan yang perlu menyampaikan mesej dengan penuh berhemah, berfakta dan profesional.

Harapan kepada peserta

5. Saya dimaklumkan bahawa kursus ini telah menghimpunkan peserta dari seluruh negeri termasuk kepulauan Borneo dan Unit Udara JBPM. Ini adalah satu peluang yang baik untuk membina jaringan, berkongsi pengalaman, dan memperkukuh kompetensi komunikasi yang menjadi salah satu elemen penting dalam kepimpinan.
6. Saya berharap segala ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang kursus ini dapat diaplikasikan dalam tugas seharian. Gunakanlah kemahiran komunikasi dan pengucapan awam bukan sahaja dalam bilik kuliah, tetapi juga di medan operasi, di hadapan masyarakat dan di pentas rasmi jabatan.

Penghargaan

7. Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada para penceramah dan fasilitator yang telah mencurahkan ilmu dan pengalaman. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada urus setia yang bertungkus-lumus memastikan perjalanan kursus ini berjalan lancar.

Penutup

8. Dengan berakhirnya kursus ini, saya yakin saudara-saudari semua akan pulang dengan semangat baharu, lebih berkeyakinan serta mampu menjadi agen komunikasi yang cemerlang bagi JBPM.
9. Dengan penuh sukacita, saya merasmikan Penutupan Kursus Komunikasi Berkesan dan Pengucapan Awam anjuran Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat JBPM.

Sekian,

Wabillahitaufiq walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.